

**KEKOSONGAN JAWATAN KONTRAK DI JABATAN TANAH DAN UKUR NEGERI SABAH
DI BAWAH AKAUN AMANAH K75**

Permohonan ini adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia berasal dari Sabah yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun untuk mengisi pelbagai jawatan bertaraf kontrak selama dua(2) tahun di Jabatan Tanah Dan Ukur di bawah projek Perkhidmatan Tanah Anak Negeri Sabah(PANTAS) seperti berikut:-

1. **Nama Jawatan:** **Juruukur Daerah Gred J41**
Klasifikasi: Perkhidmatan Kejuruteraan
Kumpulan Perkhidmatan: Pengurusan Dan Profesional
Taraf Jawatan: Kontrak
Bilangan Kekosongan: Satu (1)
Tempat Kekosongan: Ibu Pejabat Tanah Dan Ukur, Kota Kinabalu
Gaji Permulaan : RM 2,360.00

1.1 Syarat Lantikan:

- i. Ijazah Sarjana Muda Ukur Tanah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf olehnya; DAN
- ii. Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

2. **Nama Jawatan:** **Penolong Juruukur Gred JA29**
Klasifikasi: Perkhidmatan Kejuruteraan
Kumpulan Perkhidmatan: Pelaksana
Taraf Jawatan: Kontrak
Bilangan Kekosongan: Empat Belas (14)
Tempat Kekosongan: Ibu Pejabat Tanah Dan Ukur, Kota Kinabalu

2.1 Syarat Lantikan:

- i. Sijil dalam bidang ukur tanah yang diiktiraf oleh kerajaan dari politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,418.00); ATAU
- ii. Diploma dalam bidang ukur tanah yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM 1,826.02); DAN
- iii. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

3.	Nama Jawatan:	Penolong Jurutera Gred JA29
	Klasifikasi:	Perkhidmatan Kejuruteraan
	Kumpulan Perkhidmatan:	Pelaksana
	Taraf Jawatan:	Kontrak
	Bilangan Kekosongan:	Satu (1)
	Tempat Kekosongan:	Ibu Pejabat Tanah Dan Ukur, Kota Kinabalu

3.1 Syarat Lantikan:

- i. Sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-poloteknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,418.00); ATAU
- ii. Diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,826.02); DAN
- iii. Lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

3.2 Skop Fungsi Dan Bidang Tugas:

- i. Workshop Automotif
 - a. Membuat anggaran visual dan anggaran kos pembaikan kenderaan jabatan kerajaan yang terlibat dengan kemalangan dan penilaian harga lelong serta lucuthak kenderaan.
 - b. Melaksanakan pemeriksaan, penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan mengikut jadual yang ditetapkan.

4.	Nama Jawatan:	Penolong Akauntan Gred W27
	Klasifikasi:	Perkhidmatan Kewangan
	Kumpulan Perkhidmatan:	Pelaksana
	Taraf Jawatan:	Kontrak
	Bilangan Kekosongan:	Satu (1)
	Tempat Kekosongan:	Ibu Pejabat Tanah Dan Ukur, Kota Kinabalu

4.1 Syarat Lantikan:

- i. Diploma dalam bidang pengajian perdagangan, pengajian bank atau pengajian perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W27: RM1,667.08); ATAU
- ii. Licentiate of Chartered Of Secretaries and Administrators of United Kingdom dalam bidang kewangan yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W27:RM1,892.68); DAN
- iii. Lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

5.	Nama Jawatan:	Penolong Pegawai Tadbir Gred N27
	Klasifikasi:	Petadbiran Dan Sokongan
	Kumpulan Perkhidmatan:	Pelaksana
	Taraf Jawatan:	Kontrak
	Bilangan Kekosongan:	Satu (1)
	Tempat Kekosongan:	Ibu Pejabat Tanah Dan Ukur, Kota Kinabalu

5.1. Syarat Lantikan:

- i. Sijil Tinggi persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf oleh kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred N27: RM1,362.00); ATAU
- ii. Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf oleh kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred N27: RM1,362.00); ATAU
- iii. Diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan diiktiraf setaraf olehnya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N27: RM1,661.95); ATAU
- iv. Diploma dalam bidang pengurusan harta benda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf olehnya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N27: RM1,737.15); DAN
- v. Kepujian dalam Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

6.	Nama Jawatan:	Penolong Pentadbir Tanah Gred NT27
	Klasifikasi:	Pentadbiran Dan Sokongan
	Kumpulan Perkhidmatan:	Pelaksana
	Taraf Jawatan:	Kontrak
	Bilangan Kekosongan:	Satu (1)
	Tempat Kekosongan:	Ibu Pejabat Tanah Dan Ukur, Kota Kinabalu

6.1 Syarat Lantikan:

- i. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred NT27: RM1,362.00); ATAU
- ii. Sijil dalam bidang kejuruteraan (ukur tanah atau perancang Bandar dan wilayah) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred NT27: RM1,362.00); ATAU
- iii. Diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred NT27: RM1,661.95); ATAU
- iv. Diploma dalam bidang harta tanah atau ukur tanah yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred NT27: RM1,737.15); DAN
- v. Kepujian dalam Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus ujian lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

7.	Nama Jawatan:	Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W17
	Klasifikasi:	Perkhidmatan Kewangan
	Kumpulan Perkhidmatan:	Pelaksana
	Taraf Jawatan:	Kontrak
	Bilangan Kekosongan:	Satu (1)
	Tempat Kekosongan:	Ibu Pejabat Tanah Dan Ukur, Kota Kinabalu

7.1 Syarat Lantikan:

- i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan, serta kepujian dalam subjek Matematik atau Perdagangan atau Akaun pada peringkat peperiksaan tersebut.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W17: RM929.00); ATAU
- ii. Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-Kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W17: RM985.13); ATAU
- iii. Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W17: RM1,154.33); ATAU
- iv. Sijil dalam bidang pengurusan perniagaan atau menyimpan kira-kira yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred W17: RM1,379.92); DAN
- v. Kepujian dalam Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

8.	Nama Jawatan:	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17
	Klasifikasi:	Petadbiran Dan Sokongan
	Kumpulan Perkhidmatan:	Pelaksana
	Taraf Jawatan:	Kontrak
	Bilangan Kekosongan:	Satu (1)
	Tempat Kekosongan:	Ibu Pejabat Tanah Dan Ukur, Kota Kinabalu
	Gaji Permulaan:	RM928.00

8.1 Syarat Lantikan:

- i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. Keutamaan diberi kepada calon yang berkebolehan mengendalikan komputer dan/atau mengambil trengkas; DAN
- ii. Kepujian dalam Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

9.	Nama Jawatan:	Pembantu Pentadbir Tanah Gred NT17
	Klasifikasi:	Pentadbiran Dan Sokongan
	Kumpulan Perkhidmata:	Pelaksana
	Taraf Jawatan:	Kontrak
	Bilangan Kekosongan:	Sembilan (9)
	Tempat Kekosongan:	Ibu Pejabat Tanah Dan Ukur, Kota Kinabalu
	Gaji Permulaan:	RM 928.00

9.1 Syarat Lantikan:

- i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
DAN
- ii. Lulus dengan kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

10.	Nama Jawatan:	Pembantu Awam Gred H11
	Klasifikasi:	Perkhidmatan Kemahiran
	Kumpulan Perkhidmatan:	Pelaksana
	Taraf Jawatan:	Kontrak
	Bilangan Kekosongan:	Lima Puluh Tujuh (57)
	Tempat Kekosongan:	Ibu Pejabat Tanah Dan Ukur, Kota Kinabalu
	Gaji Permulaan:	RM 850.00

10.1 Syarat Lantikan:

- i. Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan,
DAN
- ii. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengan oleh kerajaan.

11.	Nama Jawatan:	Pemandu Kenderaan Gred H11
	Klasifikasi:	Perkhidmatan Kemahiran
	Kumpulan Perkhidmatan:	Pelaksana
	Taraf Jawatan:	Kontrak
	Bilangan Kekosongan:	Sembilan Belas (19)
	Tempat Kekosongan:	Ibu Pejabat Tanah Dan Ukur, Kota Kinabalu

11.1 Syarat Lantikan:

- i. Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- ii. Lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/1 yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P);
- iii. Berkebolehan memandu, mengendalikan dan menyelenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim ini;
- iv. Berkebolehan memandu, mengendalikan dan menyelenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini
 - Lesen D (Gaji permulaan ialah pada Gred H11: RM896.15);
 - Lesen E/E1/E2 (Gaji permulaan ialah pada Gred H11: RM942.30);
 - Lesen F/H (Gaji permulaan ialah pada Gred H11: RM988.45);
 - Lesen G/I (Gaji permulaan ialah pada Gred H11: RM1,034.60);
- v. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.

12: **CARA MEMOHON**

- 12.1. Borang Permohonan (SPA.1 Pindaan 1/98) yang telah lengkap diisi (boleh dimuat turun pada laman web Jabatan Perkhidmatan Awam Negeri) dan ditandatangani hendaklah dihantar bersama salinan dokumen yang telah disahkan benar oleh agensi pengeluar seperti berikut:
- a. Salinan Sijil Kelahiran pemohon;
 - b. Salinan Kad Pengenalan pemohon;
 - c. Salinan Sijil Lahir dan Kad Pengenalan kedua-dua Ibumama pemohon;
 - d. Salinan Sijil Penilaian Menengah Rendah/Sijil Pelajaran Malaysia;
 - f. Lesen Memandu yang masih sah tempoh; dan
 - e. Dokumen-dokumen lain yang berkaitan seperti yang disyaratkan dalam iklan ini
- 12.2 Borang yang lengkap bolehlah dihantar ke alamat:
- a. Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Pentadbiran Am
Aras 5, Wisma Tanah Dan Ukur
Jalan Bukit Perwira
Beg Berkunci No. 2044
88576 KOTA KINABALU; ATAU
 - b. Di kaunter pendaftaran, Jabatan Tanah & Ukur (Hantaran Tangan), Tingkat Bawah.

Tidak lewat atau pada: 7 Ogos 2015 (Jumaat)

- 12.3 Permohonan yang diterima daripada pemohon yang tidak memiliki kelayakan yang disyaratkan dalam iklan ini tidak akan dilayan.
- 12.4 Hanya pemohon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- 12.5 Pemohon yang tidak mendapat sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan, hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.